

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Sesudah Perikatan berjaya maka sebahagian besar pemimpin-pemimpin Melayu yang bukan daripada ahli UMNO di Pusat Persekutuan Tanah Melayu, adalah sekarang berkeadaan bimbang. Kebimbangan itu tidak lain ialah kerana melihat kepada keadaan-keadaan yang harus terbit daripada pemerintahan yang akan dijalankan oleh Perikatan yang jika pemimpin-pemimpin Melayu tidak tegas menunjukkan perdiriannya sudah barang tentu muslihat-muslihat Melayu di dalam pemerintahan itu akan binasa yang bermakna dengan sendirinya kedudukan orang-orang Melayu di dalam negerinya akan bersama-sama terbawa ke dalam lembah kerugian yang boleh jadi akan membawa kelumpuhan kepada orang-orang Melayu.

Kegelisahan itu adalah berdasarkan kepada keadaan-keadaan sesudah Perikatan itu menang di dalam mana tampuk pemerintahan sekarang dipegang oleh mereka. Suara yang pertama didengar ialah tentunya daripada 144 buah persekutuan Cina di Perak, yang disokong pula oleh akhbar-akhbar Cina menuntut supaya Bahasa Cina dan India dijadikan bahasa rasmi di samping Bahasa Melayu dan Inggeris yang dijalankan sekarang.

Suara yang pertama ini telah disambut oleh yang kemudiannya menganjurkan suatu mesyuarat kebangsaan di Kuala Lumpur pada 28 Ogos yang lalu dengan mengambil keputusan mengadakan suatu memorandum yang bakal disampaikan kepada sultan-sultan Melayu supaya menolak tuntutan orang-orang Cina dan menetapkan supaya Bahasa Melayu mestilah dijadikan bahasa kebangsaan yang berdaulat di negara orang-orang Melayu. Langkah-langkah ini diambil oleh dengan seberapa segeranya ialah oleh kerana yang memerintah negeri ini sekarang ialah orang-orang yang terikat di dalam suatu Perikatan- di antara tiga

bangsa- Melayu, Cina dan Indian yang sudah tentu muslihatnya berlainan-lainan di antara satu dengan lain. Bagi mereka sekarang tidak ada suara yang boleh disampaikan menerusi Majlis Mesyuarat Negeri kerana kerusi-kerusi itu dibolot oleh Perikatan- dan untuk menunjukkan kekhawatiran itulah maka orang-orang yang diluar daripada UMNO bersuara, sama ada di dalam perjumpaan am atau pun di dalam suratkhabar-suratkhabar sahaja.

* * *

Belum pun lagi perkara itu reda maka Sir Cheng Lock Tan telah mengeluarkan pula tuntutan lamanya menghendaki supaya kebangsaan mengikut jus soli dijalankan yakni sesiapa yang di Peranakan di sini dengan sendirinya menjadi rakyat di sini. Suara ini disambut pula oleh persekutuan-persekutuan Cina di Perak dengan menambah supaya orang-orang Cina yang berada di Semenanjung ini selama lima tahun hendaklah diberi hak sebagai rakyat negeri persekutuan.

Dalam tuntuan ini Sir Cheng Lock Tan menyatakan bahawa UMNO telah bersetuju supaya kebangsaan jus soli itu dijalankan di Malaya ini dan yang demikian adalah diakui oleh kedua-dua belah pihak- katanya.

* * *

Melihat keterangan ini Tengku Abdul Rahman, Yang Di-Pertua UMNO dan Ketua Perikatan telah menyatakan kepada akhbar-akhbar Melayu bahawa ia (UMNO?) tidak bersetuju sama sekali kepada dasar jus soli. Kenyataan Sir Cheng Lock Tan itu katanya, adalah tidak benar (bohong). Yang sebenarnya adalah ia hanya mempersetujui, dan adil mengikut pendapatnya, meluluskan anak-anak dagang yang di Peranakan di sini

itu boleh memilih (diberi hak mengundi) tetapi tidak

diluluskan untuk menjadi calon.


Pendapat Tengku ini, sungguhpun menafikan, adalah dipandang oleh sebahagian pihak sebagai suatu kenyataan yang menafikan tetapi ada menzahirkan suatu persetujuan bahawa orang-orang Cina yang di Peranakan di sini itu diakui (mengikut kebangsaan jus soli) hanyasanya ada sempadannya ia tidak boleh menjadi calon (adakah buat sementara?-P). Dalam apa-apa hal pun yang demikian ini adalah menzahirkan bahawa pertentangan pengertian yang terbit daripada berlainan-lainan muslihat itu sekarang ini telah mulai timbul. Timbulnya ini bermakna bahawa apa yang dikhuatiri oleh orang-orang Melayu di dalam ikatannya dengan orang-orang Cina yang tidak ada “piagamnya” itu sekarang ini mengkhawatirkan orang-orang Melayu.

* * *

Langkah yang pertama yang dijalankan oleh pemerintahan yang diketuai oleh Tengku Abdul Rahman sekarang ini ialah mengisytiharkan supaya diadakan pengampunan beramai-ramai kepada pengganas-pengganas sebagaimana yang disebut beliau dahulu. Langkah ini dijalankan ialah sebagai suatu ikhtibar untuk mencari jalan supaya darurat tempat di Malaya ini tidak dapat sambutan daripada pengganas-pengganas itu maka kerahan raya untuk menghapuskan pengganas-pengganas itu akan dijalankan!

Suara-suara yang dikatakan berasal dari hutan itu adalah diberitakan menyatakan keengganannya mereka untuk menyerah diri dan mereka akan menjalankan terus langkah-langkah mereka. Mereka dikatakan telah menuju Sir Cheng Lock Tan dan Tengku sebagai alat penjajah atau orang-orang yang yang bekerjasama untuk menegakkan penjajahan di sini (kolobrasor).

Melihat kepada kata berjawab gabung bersambut dengan berterang-terang itu maka harus menjadi seperkara yang sia-sia sahaja usaha pengampunan beramai-ramai itu.....dan



Presiden Soekarno sedang disambut oleh bekas

Perdana Menteri Ali Sastroamijoyo.

kesannya, maka kata dikotakan Tengku harus akan mencadangkan suatu kerahan raya diadakan untuk menghapuskan pengganas-pengganas itu.

* * *

Iktisad di Malaya sebenarnya pada tahun yang lalu telah lumpuh untuk menghadapi darurat ini dan sekarang sekiranya pengganas-pengganas itu tidak mau menyerah diri (menerima pengampunan beramai-ramai) bermakna kerahan akan dijalankan dan dengan sendirinya tentulah perbelanjaan besar akan dikeluarkan untuk menyelenggara pengerahan itu.

Pepatah ada mengatakan “kapal pecah yu kenyang”. Tuntutan-tuntutan orang-orang Cina di dalam siyasah itu sebenarnya dianjurkan oleh goglongan yang sangat sedikit yang menghendaki kedudukannya di dalam negeri ini. Selain daripada itu bangsa itu adalah masyur semata-mata kedudukannya mencari faedah-faedah yang besar semata di dalam lingkungan ekonomi.

Kalau terjadi kerahan- maka sudah tentulah yang demikian itu akan dihajat oleh mereka kerana terbit daripada kerahan-kerahan itu banyaklah kelak kem dan segala alat-alat kelengkapan yang dikehendaki. Senapang-senapang atau alat-alat senjata banyak

akan dipesan dari Amerika dan tidak hairan pula banyak pula kelak yang tercicir- akhirnya setiap yang bakal mendapat untung- jawabnya sudah terang “pengurus iktisad” di Malaya iaitu orang-orang Cina- kontraktornya dan sebagainya untuk mengadakan kem dan alat-alat kelengkapan.

* * *

Bulanan “Pengasuh” dari Kelantan telah menganjurkan supaya ulama-ulama mengadakan muktamarnya untuk memberi fatwa tentang kewajipan-kewajipan umat kepada masyarakatnya dan supaya zahir ulama itu mewarisi anbiya. Syor ini bagi ulama-ulama yang progresif tentulah disambut dengan gembira dan beliau-beliau itu akan suka memberi fatwa-fatwa yang berterus-terang- tidak berkulit lagi tetapi bagaimakah keadaan ulama-ulama yang duduk di dalam jabatan-jabatan agama yang memandang agama itu terpisah daripada siyarah negeri?

Fatwa-fatwanya kelak haruslah bukannya menegakkan kemahanan dan seruan serta jihad Islam untuk menegakkan negara Islam tetapi akan melemahkanya disebabkan harus, kerana mempertahankan muslihat-muslihatnya.

Kerana ulama-ulama itu bukan semacam, walau apa-apa hal pun seruan yang seumpama ini patut disambut dan diharap ulama-ulama yang masih muda tampil ke tengah menyusunnya dan memberi fatwa menegakkan syiar Islam dan mengadakan tuntutan-tuntutan supaya umat Islam berjihad menegakkan negara bahagia

(*baldat tayyibat*)

* * *

Dalam masa pemerintahan Master Burhanuddin Harahap sebagai ganti jemaah Menteri Indonesia Ali- Arifin maka langkah yang pertama dijalankan ialah untuk benahan dan memeriksa orang-orang yang disyak makan suap. Langkah ini diambil adalah kerana memandang daripada keadaan-keadaan yang nyata bahawa di Indonesia dalam masa pemerintahan ‘Alī- ‘Ārifīn itu banyak perkara-perkara makan suap berlaku dan dilakukan.

Ada setengah-setengah tempat orang-orang telah jadi kaya dengan serta merta dengan kerana pemberian-pemberian tukaran wang asing (*foreign exchange*). Mana-mana akhbar yang tak tahan imannya yang menjadi pembangkang kepada dasar-dasar kerajaan itu fedahnya dikurangkan dan disekat dan mana-mana yang bersetuju atau menyokong mendapat kelebihan- dan dikenakan juga ada di antara tuan punya-tuan punya akhbar itu yang telah ditawarkan dengan sokongan-sokongan yang besar yang berfaedah kepada kesenangan mereka.

Langkah yang diambil oleh Perdana Menteri Burhān al-Dīn Hārāhap ini telah disokong dan dipandang patut oleh rakyat jelata di antaranya oleh Gabungan Pemuda Nasional. Sebenarnya dalam sesebuah negara baharu seperti Indonesia itu adalah langkah menghapuskan makan suap itu adalah langkah yang utama untuk keselamatan tanah air.

* * *

Beberapa dari pemimpin-pemimpin Islam telah kerap kali datang ke Singapura ini. Sama ada terus melawat ke mari atau pun sekadar singgah sahaja. Di dalam rombongan yang akhir ialah rombongan ulama-ulama Mesir yang diketuai oleh al-Shaykh al-Akbar ‘Abd al-Rahmān Tāj, Shaykh al-Azhar iaitu dalam perjalanan mereka singgah selama dua hari di sini dalam perjalannya balik ke Mesir dari lawatan ke Indonesia. Kedatangan mereka itu, dan diberitahukan kepada akhbar Melayu tempatan supaya dengan siaran itu orang-orang Islam di sini dapat sama meraikan tetapi malangnya, entah apa sebabnya, selalunya walaupun telah diakui hendak menyiarkannya, berita itu tidak tersiar.

Sebenarnya, langkah yang demikian ini, oleh akhbar Melayu tempatan itu, dirasa oleh orang-orang Islam sebagai suatu cara yang sengaja tidak meraikan Islam tetapi kalau ada berita-berita yang menentang atau perselisihan yang besar di dalam Islam maka berita-berita itu nampaknya selalu dibesar-besarkan.

* * *

Di dalam kenyataan Tengku Abdul Rahman, sebagai sifatnya Ketua Menteri bagi kerajaan Perikatan di dalam pembukaan

Majlis Mesyuarat Federal menganjurkan supaya kerajaan British menggalakkan atau menghidupkan perasaan kebangsaan kerana dia itulah sahaja dapat menghapuskan komunis.

Kenyataan Tengku, dengan sifatnya sebagai Ketua Menteri Kerajaan

Perikatan atas kebangsaan itu, menjadi satu tanda tanya

kepada orang-orang awam apakah corak kebangsaan yang dikehendakinya.

Adakah corak kebangsaan Melayu? Jika corak kebangsaan

Melayu- adakah orang-orang Perikatan yang lainnya akan

menyetujuinya? Menurut pendapat sebahagian orang bukan

Melayu bercorak kebangsaan- sebab Tengku dikatakan kerap kali

menyatakan bahawa Melayu bukannya sebagai satu bangsa tetapi

adalah ia sebagai satu kaum. Jadi dengan alasan ini,

menurut pendapat ini dan menurut keadaan Perikatan

mereka, Malaya telah harus yang dikehendaki oleh Tengku

di atas kebangsaan itu. Jika benar telahan ini adakah orang-orang

Melayu akan reda corak kebangsaan bukan daripada Melayu?

keputusan suruhanjaya yang dilantik kerana itu. Hal ini nampaknya lain tidak harus lempar batu sembunyi tangan yakni apabila ia telah menjolok perasaan Melayu terhadap tuntutan orang-orang Cina itu.

* * *

Melihat kepada riak-riak yang terbit daripada lingkungan UMNO

sendiri yang menghendaki supaya Perikatan di antara UMNO

- MCA dan MIC dibubar sahaja yang

harus daripada langkah-langkah yang dibuat oleh orang-orang Cina supaya

menuntut kebangsaan jus soli dan bahasa Cina digunakan,

adalah menjadi perhatian yang berat kepada ibu pejabat UMNO

iaitu seperti yang disebut oleh UMNO yang dikatakan telah

mengeluarkan suatu kenyataan yang menghendaki supaya ahli-ahli

UMNO patuh dan taat kepada pentadbiran ketua-ketuanya.

Perkara membubarkan jawatankuasa Perikatan itu adalah

perkara kecil jua- yang besar ialah perkara kemerdekaan.

“Soalnya kecil kalau dijadikan soal nasional”- katanya.

Tetapi bagi orang-orang awam, dan harus juga

sebahagian orang-orang UMNO, adanya tuntutan-tuntutan anak-anak dagang

yang berlawanan dengan muslihat Melayu yang dilaung-laungkan mereka.

adakah suatu soal kebangsaan yang besar yang bakal merebut

dan merbahayakan kedudukan bangsa Melayu masa hadapan.

Adakah ibu pejabat UMNO akan melakukan sifat-sifat

“diktator” dalam perkara-perkara untuk menegah berbangkit

suatu perasaan tidak puas hati terhadap langkah-langkah

yang dijalankan olehnya? Adakah dengan demikian perasaan-perasaan

yang terbit daripada ahlinya akan ditutup? Soal ini mustahak

diselenggarakan dengan kebijaksanaan sebab zahir sudah bahawa

anak-anak dagang itu telah menduga perasaan Melayu apabila

sahaja mereka telah memerintah bersama-sama mereka dengan

jasa daripada pengundi-pengundi Melayu.

* * *

Beberapa hari sesudah September 1955 iaitu tarikh yang dijanjikan oleh Tengku hendak mengadakan pengampunan beramai-ramai kepada penganas-penganas komunis yang dicadangkan hendak diampunkan itu. Sebahagian pihak memandang bahawa ini adalah satu jawapan yang biasa dilakukan mereka atas perkara-perkara yang tidak disetujui oleh mereka.

* * *

Sir Cheng Lock Tan yang telah melihat kepada kuatnya bantahan orang tentang kebangsaan jus soli dan tentang bahasa Cina menjadi bahasa rasmi dikatakan menyatakan bahawa MCA adalah menyerahkan perkara ini kepada